



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِسلامِ نَغَرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِخْطَبَةُ الْجُمُعَةِ

## **KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA**

**23 RAMADAN 1447H/ 13 MAC 2026M**

### **“LAILATULQADAR DICARI, BUKAN DINANTI”**

*Disediakan oleh:*

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR  
code ini jika ada  
sebarang cadangan  
penambahbaikan.  
Sekian, terima kasih

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ وَبَعَثَ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنْذِرِينَ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ الْأَمِينُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ أُوصِيكُمْ، وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ. وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ. لَيْلَةُ الْقَدْرِ  
خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ. تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ. سَلَامٌ  
هِيَ حَتَّى مَطْلَعِ الْفَجْرِ.

### JAMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT atas nikmat kehidupan dan peluang beribadah yang masih dikurniakan kepada kita. Mudah-mudahan kita terus istiqamah melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya tanpa rasa jemu atau lalai. Semoga dengan kesabaran, keikhlasan dan ketaatan tersebut, kita dipilih oleh Allah SWT sebagai hamba-Nya yang bertakwa. Khatib ingin mengingatkan para jamaah untuk memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang *lagha* (sia-sia) seperti berbual, bermain telefon atau tidur. Mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: ***“Lailatulqadar Dicari, Bukan Dinanti.”***

### SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Malam yang penuh kemuliaan dan keberkatan itu ialah lailatulqadar. Kemuliaan dan keistimewaan lailatulqadar itu dijelaskan oleh Allah SWT

melalui firman-Nya pada mukadimah khutbah sebentar tadi, yakni melalui surah al-Qadr, ayat 1 hingga 5 yang **bermaksud**: *“Sesungguhnya Kami telah mengurniakanNya (al-Quran) pada malam kemuliaan. Dan tahukah kamu apakah malam kemuliaan itu? Malam kemuliaan itu lebih baik dari 1000 bulan. Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan malaikat Jibrail dengan izin Tuhanmu untuk mengatur segala urusan. Malam itu (penuh) kesejahteraan sampai terbit fajar.”*

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Dalam Kitab al-Muwatta karangan Imam Malik rahimahullah, disebutkan bahawa Rasulullah SAW diperlihatkan usia umat-umat terdahulu oleh Allah SWT. Ketika baginda melihat bahawa usia umat Islam relatif lebih singkat, berbanding umat sebelum-sebelumnya yang hidup beribu tahun lamanya. Maka Allah SWT memberikan kelebihan lailatulqadar kepada umat Nabi Muhammad SAW yang ganjarannya lebih baik daripada melakukan amal kebajikan selama seribu bulan (lebih kurang 83 tahun). Ini adalah rahmat Allah SWT agar umat Nabi Muhammad SAW tidak ketinggalan dari segi ganjaran amal ibadah.

Tafsir al-Baghawi menyebutkan, bahawa Rasulullah SAW menceritakan kisah seorang lelaki dari Bani Israil yang sentiasa beribadah kepada Allah SWT (beribadah malam dan berjihad siang) selama seribu bulan. Kata para *mufassir*, ini memberi pengertian kepada kaum Muslim bahawa ibadah pada malam lailatulqadar lebih besar ganjarannya daripada ibadah selama seribu bulan oleh lelaki tersebut. Justeru, dengan adanya kelebihan lailatulqadar tersebut, umat Nabi Muhammad SAW juga diberikan kelebihan oleh Allah SWT pada malam tersebut. Meskipun umat Baginda pendek usianya dan sedikit amalnya, namun kita berpeluang untuk memperolehi ganjaran amal kebajikan yang dikerjakan. Syaratnya

kita perlu gigih berusaha mencari malam yang telah dijanjikan, serta memanfaatkan sebaik mungkin kurniaan Allah SWT itu dengan mengerjakan ibadah-ibadah fardu dan sunat di samping memohon keampunan kepada Allah SWT. Ibadah yang dimaksudkan merangkumi ibadah khusus dan ibadah umum, yang saling melengkapi sekali gus menghubungkan ahli 'abid dengan Pencipta-Nya selain menghubungkan diri dengan manusia lainnya.

Yang penting, apa jua amal ibadat yang kita kerjakan mestilah didorong oleh niat yang ikhlas, keimanan serta ketaatan kepada Allah SWT semata-mata. Ini kerana matlamat akhir dalam melakukan ibadah adalah memperlihatkan sifat ketaatan yang tinggi kepada Allah SWT, yang hikmahnya kembali kepada manusia. Semakin erat hubungan seorang hamba dengan Allah SWT, semakin tinggi tingkat ketaatan kepada-Nya, serta semakin kukuh nilai-nilai murni yang terdapat dalam diri.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Lailatulqadar hanya terdapat pada salah satu malam pada bulan Ramadan. Para ulama berpendapat bahawa berlakunya malam kemuliaan tersebut pada salah satu malam daripada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan. Daripada Saidatina Aisyah *radiallahu'anha*, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْعَشْرِ الْأَوَّخِرِ مِنْ رَمَضَانَ

**Maksudnya:** *“Carilah lailatulqadar itu pada malam-malam sepuluh terakhir dari bulan Ramadan.”* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Malam yang didambakan oleh setiap Muslim itu dikatakan berkemungkinan terjadi pada malam-malam ganjil seperti halnya dengan kitab suci al-Quran yang diturunkan pada malam yang ganjil, iaitu malam

17 Ramadan. Ada pendapat mengatakan yang malam kemuliaan itu boleh diperhatikan saat berlakunya dengan berpandukan kepada hari jatuhnya awal Ramadan. Jika awal Ramadan jatuh pada hari Ahad atau Rabu, maka lailatulqadar dijangka berlaku pada malam 29 Ramadan. Jika awal Ramadan jatuh pada hari Isnin, malam kemuliaan berkemungkinan jatuh pada malam 21 Ramadan. Jika awal Ramadan jatuh pada hari Selasa atau hari Jumaat, maka malam yang dinantikan itu dijangka berlaku pada malam 27 Ramadan. Jika awal Ramadan jatuh pada hari Khamis, maka malam yang lebih baik daripada seribu bulan itu dijangka berlaku pada malam 25 Ramadan. Jika awal Ramadan jatuh pada hari Sabtu, maka lailatulqadar berlaku pada malam 23 Ramadan.

Namun demikian saudara yang dikasihi Allah SWT, sebagai umat Islam yang dianjurkan supaya memburu lailatulqadar, kita tidak hanya menanti saat berlakunya malam penuh kemuliaan itu baru mahu melipatgandakan amal ibadat. Pencarian keistimewaan dan fadilat lailatulqadar sewajarnya bermula dari malam awal Ramadan lagi hinggalah ke penghujungnya secara *istiqamah*. Langkah ini lebih memungkinkan ganjaran lailatulqadar itu dapat diraih dengan mengambil kira hakikat bulan Ramadan penuh dengan rahmat dan berkat.

### **SIDANG HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sebagai satu ikhtiar bagi memperolehi malam kemuliaan yang dilimpahi dengan pelbagai keistimewaan dan keberkatan itu, Rasulullah SAW memperbanyakkan ibadahnya sepanjang malam dengan beriktikaf di masjid mulai malam 21 Ramadan. Justeru, baginda menganjurkan umatnya supaya mengambil peluang keemasan pada bulan yang mulia ini untuk mendapatkan lailatulqadar dengan menghadirkan diri ke masjid

untuk beriktikaf melakukan ibadah terhadap Allah SWT pada 10 malam penghujung Ramadan. Daripada Abu Sa'id al-Khudri *radiallahu'anhu*, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَانَ اعْتَكَفَ مَعِيَ فَلْيَعْتَكَفِ الْعَشْرَ الْأَوَّلَ

**Maksudnya:** *“Barang siapa yang ingin beriktikaf bersamaku, maka hendaklah ia beriktikaf lagi pada sepuluh yang akhir (Ramadan).”*  
(Riwayat al-Bukhari)

Oleh yang demikian, marilah kita bersama-sama menyahut anjuran Rasulullah SAW tersebut dengan mengisi serta mengimarahkan siang dan malam dengan amalan-amalan fardu dan sunat. Semoga upaya dan usaha kita tersebut dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT sekali gus meraih ganjaran lailatulqadar. Yakinlah terhadap janji Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam surah ali 'Imran, ayat 15:

وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوهُ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ ﴿١١٥﴾

**Maksudnya:** *“Dan apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat dari mendapat pahalanya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang yang bertakwa.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkar. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah, berkatilah kami, limpahkan kasih sayang-Mu kepada kami serta rahmati kami di sepanjang bulan Ramadan serta kurniakanlah kami lailatulqadar yakni malam kemuliaan yang lebih baik dari seribu bulan. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيمٌ، تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا. اللَّهُمَّ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا دُعَاءَنَا إِنَّكَ أَنْتَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَتُبْ عَلَيْنَا يَا مَوْلَانَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ.  
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**Disediakan dan diedarkan oleh:**

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**Nota:**

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

**Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:**

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com